



**SIARAN AKHBAR
MESYUARAT KEDUA JAWATANKUASA TERTINGGI
SAMBUTAN HARI KELUARGA KEBANGSAAN 2018**

Bandar Seri Begawan, Isnin, 16 April 2018- Bagi melancarkan lagi penyelenggaraan sambutan Hari Keluarga Kebangsaan tahun ini, Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan telah mengadakan mesyuarat kali kedua hari ini di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi mendengarkan laporan-laporan daripada Pengerusi-Pengerusi Bersama mengenai persediaan yang telah dilaksanakan bagi acara-acara yang akan diadakan pada 3 hingga 7 Mei 2018.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi sambutan berkenaan.

Turut hadir di mesyuarat ini ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-Ketua Jabatan; Pengarah-Pengarah; Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan; dan juga wakil-wakil daripada sektor Swasta dan Organisasi-Organisasi Bukan Kerajaan.

Antara agenda utama yang dilaporkan ialah persediaan bagi Majlis Kesyukuran Sempena Hari Keluarga Kebangsaan di masjid-masjid utama di seluruh daerah yang akan diadakan pada hari Khamis, 3 Mei 2018, kemudian diikuti dengan acara kemuncak iaitu Acara Perhimpunan Keluarga: Riadah Berbasikal Keluarga Harmoni pada hari Ahad, 6 Mei 2018 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, dan acara Anakku Kesayanganku pada 7 Mei 2018.

Tamat###

*Disediakan oleh:
Bahagian Perhubungan Awam, Sumber dan Sukarelawan
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*